

30/06/1998

Pas guna isu nepotisme hadapi BN

SANGLANG, Isnin - Pas terus membangkitkan isu nepotisme yang didakwa berleluasa dalam Umno, ketika parti pembangkang itu berkempen menjelang pilihan raya kecil Parlimen Arau, 4 Julai depan.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, berkata pemilihan calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil itu, Ismail Kassim, 38, membuktikan amalan buruk itu masih berlaku dalam Umno.

Sehubungan itu, beliau meragui kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, bahawa pemilihan Ismail yang juga adiknya (Shahidan) bukan dibuat oleh beliau, sebaliknya kehendak Dr Mahathir.

"Jika Shahidan selaku Menteri Besar dan Ketua Badan Perhubungan Umno Perlis tidak mencadangkan nama adiknya kepada Dr Mahathir, sudah tentu Ismail tidak dipilih sebagai calon.

"Unsur nepotisme dalam Umno masih menebal dan mungkin selepas ini jika ada wakil rakyat yang meninggal dunia, Umno akan meletakkan isteri wakil rakyat terbabit sebagai calon," katanya berucap pada ceramah politik menjelang pilihan raya kecil Parlimen Arau di Kuala Sanglang, di sini, malam tadi.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Ahli Parlimennya, Kamaruddin Ahmad, pada 25 Mei lalu akibat serangan angin ahmar. Beliau memenangi kerusi itu dalam pilihan raya umum 1995 dengan menewaskan calon Parti Melayu Semangat 46 (S46).

Di KANGAR, kepimpinan Pas cuba menagih simpati pengundi di Arau dengan menimbulkan isu berhubung pengambilan tanah, kemiskinan dan pendidikan pada ceramah umum mereka.

Penceramah Pas, Azizan Abdul Razak, mendakwa ramai pelajar miskin gagal meneruskan pengajian ke institut pengajian tinggi (IPT).

(END)